


Bos Gaurus Book Fest mahu catat Guinness World Records

23 Disember 2015 1:17 AM

[Like 10](#) [Share 7](#) [Tweet 0](#) [Google+ 0](#)



Raja Iskandar Dzulkarnain Sultan Idris Shah (empat dari kanan) dan Tunku Soraya Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah (kanan) melihat buku-buku yang dibentuk menjadi piramid dalam Majlis Perasmian Bos Gaurus Book Fest 2015 di Stadium Indera Mulia, Ipoh, Perak, semalam. UTUSAN/ZULKARNAIN MOHD. SAIDIN



Kuala Lumpur

Subuh 5:53
Zohor 1:20
Asar 4:36
Maghrib 7:26
Isyak 8:37

An advertisement for the Hyundai Veloster Turbo. It features a silver car against a city skyline background. The text "HYUNDAI", "ENJOY REBATE UP TO RM20,000", and "Veloster Turbo" are visible, along with a "CLICK FOR MORE" button.

popular



'Lin Dan hanya mengarut'



'Kegagalan yang teruk' – Musa Hitam



Along mohon

Jerega NSEI

dunia



Rio 2016: Beregu negara temu regu nombor satu dunia



Diumpan jam sebelum diliwat



Malaysia 'tempah' satu lagi pingat



Tidur di imigresen untuk dapatkan nombor giliran



Siapa mampu sekat Usain Bolt?

The advertisement features a colorful geometric background. At the top, it says "EduTECH® ASIA 2016" with "ASIA 2016" in small letters below the main logo. Below this, it says "9 - 10 November 2016" and "Suntec Convention Centre, Singapore". The main slogan "INSPIRING THE NEXT GENERATION" is prominently displayed in large, bold, black capital letters. At the bottom, there is a white rectangular box with the text "BOOK NOW AND ENJOY 20% OFF".

LAPORAN SEMASA
DILAKUKAN

Pengerusi Jawatankuasa Pelancongan, Kesenian, Kebudayaan, Multimedia dan Komunikasi negeri, Datuk Nolee Ashilin Mohammed Radzi berkata, Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri Perak ketika ini berjaya mengumpul sebanyak 65,000 naskhah buku bagi mengatasi rekod dunia yang dicatatkan oleh Perpustakaan Ernster Sarl Luxemborg dengan pengumpulan 63,377 naskhah buku.

“Pada 26 Disember nanti iaitu hari terakhir pesta buku ini, wakil daripada Guinness World Records telah bersetuju secara rasmi untuk membuat penilaian terhadap piramid buku terbesar dunia ini di Stadium Indera Mulia.

“Kelainan yang kita bawakan bagi menarik penyertaan orang ramai ialah mereka turut berpeluang untuk membawa buku dan meletakkan pada piramid berkenaan. Oleh sebab itu, kita ada 65,000 naskhah buku sahaja kerana 5,000 buku lagi kita buka kepada orang ramai untuk turut sama mencipta sejarah ini,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menghadiri majlis perasmian Bos Gaurus Book Fest 2015 yang disempurnakan Raja Di Hilir Perak, Raja Iskandar Dzulkarnain Sultan Idris Shah di Stadium Indera Mulia di sini hari ini.

Yang turut berkenan berangkat sama ialah Raja Puan Muda Perak, Tunku Soraya Sultan Abdul Halim serta diiringi Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Abdul Puhat Mat Nayan dan Pegawai Kewangan Negeri, Datuk Mohd. Ghazali Jalal.

Lebih 20,000 pengunjung disasarkan menghadiri Bos Gaurus Book Fest 2015 yang berlangsung selama lima hari bermula hari ini yang antara lain bertujuan memupuk minat membaca dalam kalangan orang ramai, selain menawarkan buku pada harga diskau.

Dalam pada itu, Nolee Ashilin berkata, pesta buku berkenaan bukan hanya menawarkan jualan buku semata-mata, malah turut disertakan dengan pelbagai program lain seperti persembahan muzik dan akustik, artis jemputan serta ceramah agama oleh pendakwah terkenal, Datuk Mohd. Kazim Elias.

“Konsepnya sama seperti pesta buku Big Bad Wolf yang menjual buku pada harga borong. Namun, pengajuran Big Bad Wolf biasanya dianjurkan selama 24 jam dalam masa dua hari, tetapi kita mengadakan dalam tempoh lebih panjang iaitu lima hari,” katanya.

Antara pemamer yang menyertai Bos Gaurus Book Fest 2015 termasuklah Institut Terjemahan dan Buku Malaysia (ITBM), Penerbitan Pelangi Sdn. Bhd., Karangkraf Sdn. Bhd., Popular Book Co. (M) Sdn. Bhd., Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Universiti Sains Malaysia (USM) dan Universiti Utara Malaysia (UUM).